



How to cite this article:

Abdullah, M.N, et al. (2026). Model kompetensi kualiti keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Development*, 1(1), 93-106.
<https://doi.org/10.32890/myjid2026.1.1.7>

MODEL KOMPETENSI KUALITI KEPERIBADIAN PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

¹Mohd Nasri bin Abdullah, ²Kamal bin Ab. Hamid & ³Asnani binti Bahari

¹IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka

^{2&3}Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia

¹*Corresponding author: nasri.abdullah@ipgm.edu.my*

Received: 24/6/2026

Revised: 12/7/2026

Accepted: 21/7/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan model pengamalan kompetensi kualiti keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian pelbagai kes yang melibatkan lapan orang pensyarah cemerlang Pendidikan Islam daripada lapan kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen, serta dianalisis menggunakan perisian NVivo bagi mengenal pasti tema-tema utama yang membentuk kompetensi keperibadian pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kompetensi kualiti keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam dibentuk melalui dua dimensi utama, iaitu sahsiah dan komunikasi. Dimensi sahsiah merangkumi hubungan pensyarah dengan Allah SWT, diri sendiri, pelajar dan rakan sejawat, manakala dimensi komunikasi melibatkan amalan komunikasi lisan dan bukan lisan dalam pelaksanaan tugas profesional. Kajian ini mencadangkan Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan profesionalisme pensyarah dan latihan pendidikan guru di Malaysia. Kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan model kompetensi keperibadian berasaskan bukti empirikal sebagai rujukan bagi pembangunan profesionalisme pensyarah dan pendidikan guru khususnya dalam bidang pendidikan Islam. Kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan literatur berkaitan

kompetensi pendidik Islam dengan menonjolkan kepentingan integrasi antara sahsiah dan komunikasi dalam membentuk kecemerlangan profesion keguruan.

Kata kunci: Kompetensi keperibadian, pensyarah cemerlang Pendidikan Islam, model pengamalan kompetensi, sahsiah, komunikasi profesional.

ABSTRACT

This study aims to develop and validate a Competency Practice Model of Personality Quality for Excellent Islamic Education Lecturers at the Institute of Teacher Education Malaysia (IPGM). A qualitative approach employing a multiple case study design was adopted, involving eight Excellent Islamic Education Lecturers from eight campuses of the Institute of Teacher Education Malaysia. Data were collected through in-depth interviews, observations, and document analysis and were analysed thematically using NVivo software to identify the key themes underpinning lecturers' personality competencies. The findings revealed that the personality quality competency of Excellent Islamic Education Lecturers comprises two principal dimensions, namely character (sahsiah) and communication. The character dimension encompasses lecturers' relationships with Allah SWT, themselves, students, and colleagues, whereas the communication dimension consists of both verbal and non-verbal communication practices in carrying out professional responsibilities. Based on these findings, a Competency Practice Model of Personality Quality for Excellent Islamic Education Lecturers was developed and validated as an empirically grounded framework for strengthening lecturers' professional development and teacher education programmes in Malaysia. The proposed model advances competency theory by providing an evidence-based personality competency framework specifically designed for Islamic Education lecturers. Furthermore, the study enriches the literature on Islamic educator competencies by demonstrating the significance of integrating character (sahsiah) and professional communication to foster excellence in the teaching profession.

Keywords: Personality competency, excellent Islamic Education lecturers, competency practice mode, character (sahsiah), professional communication.

PENGENALAN

Keperibadian seorang pendidik pendidikan Islam, menurut pandangan sarjana, mencakup nilai-nilai dan sikap yang tercermin dalam ajaran Islam. Profesion perguruan sentiasa menjadi tunjang kepada pembangunan modal insan sesebuah negara. Dalam konteks pendidikan Islam, tanggungjawab pendidik bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan, bahkan berperanan membentuk sahsiah, nilai dan keperibadian pelajar berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Oleh itu, kecemerlangan seseorang pensyarah Pendidikan Islam tidak hanya diukur melalui penguasaan ilmu dan kemahiran pedagogi, malah turut bergantung kepada kualiti keperibadian yang dipamerkan dalam pelaksanaan tugas harian.

Profesionalisme pensyarah tidak hanya bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan, tetapi turut melibatkan keupayaan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara tepat dalam pelbagai situasi pendidikan. Keupayaan ini membolehkan pensyarah melaksanakan peranan mereka secara lebih berkesan serta menyumbang kepada peningkatan kualiti institusi tempat mereka berkhidmat. Literatur menunjukkan bahawa sikap positif, nilai profesional dan kemahiran pendidikan yang mantap

merupakan faktor penting yang mempengaruhi kecemerlangan pendidik dan seterusnya menyokong pembentukan organisasi pendidikan yang berkualiti dan berprestasi tinggi (Kamarul Azmi et al., 2009; Kamarul Azmi, 2010; Wan Nurul Hekmah, 2002; Zamri & Jamil, 2011).

Keperibadian pensyarah mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan proses pendidikan kerana pensyarah berfungsi sebagai model teladan kepada pelajar. Dalam tradisi pendidikan Islam, konsep qudwah hasanah menekankan bahawa pendidik perlu menjadi contoh yang baik dalam aspek akhlak, tingkah laku, komunikasi dan penghayatan nilai Islam. Justeru, keperibadian yang unggul berupaya meningkatkan keberkesanan pengajaran, membentuk hubungan interpersonal yang positif serta menyumbang kepada pembangunan karakter pelajar secara menyeluruh (Khairul Anuar, 2012).

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan kompetensi guru dan pensyarah dari aspek pedagogi, kepimpinan dan profesionalisme, kajian yang meneliti secara khusus kompetensi kualiti keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada ciri-ciri guru berkesan, kompetensi profesional dan amalan pengajaran, sedangkan aspek keperibadian yang menjadi asas kepada pembentukan identiti pendidik kurang diberikan perhatian secara mendalam. Kekurangan ini mewujudkan keperluan untuk mengenal pasti dan menghuraikan elemen-elemen keperibadian yang diamalkan oleh pensyarah cemerlang Pendidikan Islam dalam konteks Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan membincangkan model pengamalan kompetensi kualiti keperibadian yang diamalkan oleh pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Model yang dibangunkan melalui pendekatan kajian kualitatif ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan literatur berkaitan profesionalisme pendidik Islam serta menjadi rujukan dalam usaha memperkukuh pembangunan kompetensi pensyarah dan guru pada masa hadapan.

LATARBELAKANG MASALAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 meletakkan pemartabatan profesion keguruan sebagai salah satu keutamaan dalam usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara. Aspirasi ini memberikan implikasi langsung kepada Institut Pendidikan Guru sebagai institusi yang bertanggungjawab melatih dan membangunkan bakal guru. Sehubungan itu, pensyarah Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah turut bertanggungjawab membentuk kompetensi profesional, sahsiah dan identiti keguruan dalam kalangan guru pelatih. Peranan tersebut selaras dengan matlamat PPPM yang menekankan penambahbaikan sistem pemilihan guru, pengukuhan latihan perguruan, pembangunan kerjaya serta pemantapan pengurusan sumber manusia pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pendidik yang kompeten perlu mempunyai keperibadian yang unggul. Pendidik memiliki sifat kasihan kepada pelajar serta sentiasa berhikmah dalam tindakan. Pendidik yang kompeten juga perlu menyepadukan ketiga-tiga komponen utama iaitu, ilmu, kemahiran dan keperibadian agar matlamat pelajar belajar dan pensyarah mendidik adalah untuk berjaya. Kesannya pensyarah dan pelajar akan menjadi hamba Allah yang hampir kepada Allah SWT dalam urusan seharian mereka (Kamarul Azmi, 2010).

Rahaila (2011) menjelaskan bahawa pensyarah perlu memiliki sahsiah yang unggul, keterampilan profesional serta daya inovasi yang tinggi bagi membentuk bakal guru yang berkualiti. Penguasaan aspek-aspek tersebut membolehkan guru pelatih mengembangkan keyakinan diri, membina sahsiah yang positif dan mengaplikasikan kreativiti dalam pengajaran. Hasilnya, mereka berupaya menjadi pendidik yang berkesan serta mampu memotivasikan pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

Usaha melahirkan guru Pendidikan Islam yang berkualiti dan berupaya menyumbang kepada pemerkasaan profesion keguruan memerlukan sokongan daripada pensyarah yang mempunyai tahap sahsiah dan keperibadian yang tinggi. Pensyarah Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru memainkan peranan penting sebagai agen transformasi pendidikan guru dengan membimbing pembangunan akidah, ibadah, akhlak, keseimbangan jasmani dan rohani serta penguasaan kemahiran profesional yang berteraskan nilai-nilai Islam (Abdullah, 2017).

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan kompetensi pensyarah dan guru Pendidikan Islam, kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek pedagogi, pengetahuan kandungan, kemahiran pengajaran serta profesionalisme secara umum. Namun, kajian yang meneliti kompetensi keperibadian secara khusus, khususnya dalam konteks pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), masih terhad. Selain itu, dimensi sahsiah dan komunikasi sebagai elemen utama kompetensi keperibadian sering dibincangkan secara berasingan dan belum dihimpunkan dalam satu model yang komprehensif serta disokong oleh bukti empirikal daripada pengalaman pensyarah cemerlang.

Di samping itu, belum terdapat satu model pengamalan kompetensi kualiti keperibadian yang dibangunkan berasaskan amalan sebenar pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di IPGM yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan profesionalisme pensyarah dan latihan pendidikan guru. Kekurangan model yang berasaskan konteks tempatan ini mewujudkan jurang pengetahuan dalam literatur pendidikan guru di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menghuraikan kompetensi kualiti keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam serta membangunkan Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam sebagai panduan kepada institusi latihan perguruan, pembuat dasar dan penyelidik pada masa hadapan.

OBJEKTIF

Kajian ini secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk mengenalpasti secara mendalam pengamalan kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) di IPGM. Namun dalam artikel ini, pengkaji hanya membincangkan objektif berkaitan meneroka kompetensi kualiti keperibadian pensyarah bidang Pendidikan Islam yang bertugas di IPG.

SOROTAN KAJIAN

Dari perspektif pendidikan Islam, sahsiah pendidik yang unggul dibina melalui keseimbangan antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Kamarul Azmi Jasmi (2010) menjelaskan bahawa aspek tersebut dapat dizahirkan melalui kecintaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW,

amalan kasih sayang serta kesungguhan dalam menuntut dan mengamalkan ilmu. Pada masa yang sama, sahsiah berkualiti turut melibatkan ciri-ciri profesional dan interpersonal seperti bertanggungjawab, berintegriti, proaktif, kreatif, berempati, fleksibel dan komited terhadap tugas. Ciri-ciri ini penting dalam membentuk identiti pendidik yang mampu berfungsi secara berkesan sebagai pembimbing, pemimpin dan agen pembangunan insan.

Literatur luar negara turut menunjukkan bahawa kompetensi pendidik abad ke-21 tidak lagi dinilai berdasarkan penguasaan kandungan ilmu semata-mata, tetapi turut merangkumi integriti profesional, kecerdasan emosi, etika, empati dan keupayaan membina hubungan interpersonal yang positif. Kompetensi-kompetensi ini dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran, kesejahteraan pelajar dan pembentukan budaya pembelajaran yang kondusif. Oleh itu, pembangunan keperibadian pendidik perlu diberikan perhatian yang sama penting dengan pembangunan pedagogi dan pengetahuan kandungan (OECD, 2020; Darling-Hammond & Hyler, 2020).

Terdapat rujukan dalam bidang Pendidikan Islam menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah pendidik yang kompeten perlu berteraskan nilai-nilai yang digariskan dalam al-Quran. Nilai tersebut merangkumi pengabdian kepada Allah SWT (Surah al-Fatihah, 1:5; Surah al-Anfal, 8:74; Surah al-Baqarah, 2:172), kecintaan dan ketaatan kepada Rasulullah SAW (Surah al-Ahzab, 33:36; Surah al-Nahl, 16:125), penghayatan sifat kasih sayang (Surah al-Hasyr, 59:9) serta kecintaan terhadap ilmu dan budaya menuntut ilmu (Surah al-Mujadalah, 58:11; Surah al-'Alaq, 96:1). Penghayatan nilai-nilai ini berupaya membentuk keperibadian pendidik yang seimbang dari aspek rohani, intelektual dan profesional.

Keperibadian merupakan identiti unik yang membezakan seseorang individu daripada individu lain walaupun mereka berkongsi persekitaran yang sama. Identiti tersebut dapat dilihat melalui corak tingkah laku dan perwatakan yang relatif konsisten dalam pelbagai keadaan. Dalam bidang pendidikan, keperibadian yang kompeten bukan sahaja mencerminkan kualiti diri pendidik, malah berfungsi sebagai asas kepada pembentukan pengaruh positif terhadap orang lain. Pendidik yang memiliki keperibadian yang baik lazimnya lebih mudah mendapat kepercayaan, penghormatan dan penerimaan daripada pelajar, sekali gus meningkatkan keberkesanan mereka dalam melaksanakan peranan sebagai pembimbing dan pendidik. Kajian mutakhir juga menegaskan bahawa identiti profesional seseorang pendidik dibentuk melalui integrasi antara nilai peribadi, komitmen moral dan refleksi sendiri yang berterusan. Pendidik yang memiliki identiti profesional yang kukuh didapati lebih berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan pendidikan, mengurus cabaran profesion serta mengekalkan amalan pengajaran yang berkualiti. Keadaan ini menunjukkan bahawa kompetensi keperibadian merupakan asas penting kepada pembangunan profesionalisme pendidik secara berterusan (Kelchtermans, 2019; Day & Gu, 2024).

Peranan pendidik yang berkesan memerlukan penguasaan pelbagai kompetensi yang merangkumi aspek keperibadian, kemahiran, nilai dan teknik pengajaran. Kejayaan seseorang pendidik tidak hanya diukur melalui keupayaan menyampaikan ilmu, tetapi juga melalui kebolehannya memainkan pelbagai peranan yang menyokong perkembangan pelajar secara menyeluruh. Sehubungan itu, pendidik perlu bertindak sebagai mentor, jurulatih, pemudah cara, motivator, penasihat dan pembimbing yang mampu memenuhi keperluan akademik serta pembangunan sahsiah pelajar.

Kajian menunjukkan bahawa kecemerlangan pendidik dipengaruhi oleh gabungan antara kekuatan keperibadian dan keupayaan berkomunikasi secara berkesan. Syed Mustapa dan Miskon (2010)

menegaskan bahawa pendidik yang menjadi pilihan dan dihormati oleh pelajar lazimnya memiliki keunggulan rohaniah, akhlak yang terpuji, ketenangan jiwa, kecerdasan mental serta penampilan diri yang kemas dan sesuai dengan nilai-nilai Islam. Disamping itu, kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal merupakan elemen penting dalam profesionalisme pendidik kerana kedua-duanya membantu membina hubungan yang bermakna dengan orang lain serta meningkatkan kesedaran sendiri. Keupayaan mengintegrasikan aspek keperibadian dan komunikasi ini membolehkan pendidik melaksanakan peranan mereka secara lebih efektif sebagai pembimbing, pemudah cara dan pembentuk sahsiah pelajar.

Literatur menunjukkan bahawa keberkesanan pendidik berkait rapat dengan keupayaan mereka mengamalkan komunikasi yang berkualiti dalam pelbagai konteks interaksi pendidikan. Komunikasi yang berkesan bukan sahaja memerlukan kejelasan penyampaian mesej, malah turut menuntut kejujuran, kepercayaan, rasa hormat dan semangat kerjasama dalam setiap interaksi. Ciri-ciri ini penting dalam membina hubungan profesional yang positif serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dalam konteks pementoran dan pendidikan guru, komunikasi yang berhemah dan empatik berupaya memperkukuh hubungan antara pensyarah dan pelajar kerana ia membolehkan pelajar berasa didengari, dihargai dan disokong sepanjang proses pembelajaran. Pada masa yang sama, penguasaan kemahiran komunikasi turut mempengaruhi keberkesanan penyampaian ilmu serta kebolehan pensyarah menjelaskan konsep secara lebih sistematik dan mudah difahami (Khairul Anuar, 2012). Oleh itu, komunikasi bukan sekadar medium penyampaian maklumat, tetapi merupakan instrumen penting dalam membentuk hubungan interpersonal, memupuk motivasi dan meningkatkan keberkesanan pendidikan secara keseluruhan.

Peranan pensyarah Pendidikan Islam melangkaui fungsi penyampaian ilmu semata-mata, sebaliknya turut melibatkan pembentukan sahsiah dan pembangunan profesional guru pelatih. Pensyarah didapati berusaha memupuk nilai-nilai positif seperti kasih sayang, keprihatinan, kesabaran dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar sebagai asas kepada pembentukan identiti keguruan. Di samping itu, mereka turut berperanan sebagai pembimbing dan motivator yang sentiasa memberikan sokongan, maklum balas serta bimbingan berterusan bagi membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik dan memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembangunan bakal guru yang berkualiti memerlukan penglibatan aktif pensyarah dalam aspek akademik dan pembentukan sahsiah secara serentak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian pelbagai kes bagi meneroka secara mendalam kompetensi kualiti keperibadian yang diamalkan oleh pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk memahami fenomena yang kompleks serta membolehkan pengkaji meneliti pengalaman, amalan dan pandangan peserta kajian dalam konteks sebenar (Ahmad Yunus, 2011 ; Kamarul Azmi, 2010; Mohd Izham, 2006).

Peserta kajian terdiri daripada lapan orang pensyarah cemerlang Pendidikan Islam yang berkhidmat di lapan kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia yang berbeza. Pemilihan peserta dilakukan secara persampelan bertujuan berdasarkan pengiktirafan mereka sebagai pensyarah cemerlang dalam bidang Pendidikan Islam. Bagi meningkatkan ketepatan dan keteguhan data, maklumat turut diperolehi

daripada ketua jabatan, rakan sejawat dan pelajar yang mempunyai pengalaman berinteraksi secara langsung dengan peserta kajian.

Data dikumpulkan melalui tiga kaedah utama, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual mendalam digunakan sebagai sumber data utama bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang amalan kompetensi keperibadian peserta kajian. Pemerhatian dan analisis dokumen pula berfungsi sebagai sumber data sokongan bagi mengesahkan dan memperkukuhkan dapatan yang diperoleh daripada temu bual (Chandler dan Owen, 2002; Denzin 2009).

Proses analisis data dilaksanakan secara berterusan bermula daripada pengumpulan data sehingga pembentukan model. Semua data temu bual ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan perisian NVivo. Analisis dilakukan melalui proses pengkodan terbuka (*open coding*), pengelompokan kod kepada kategori (*axial coding*) dan pembentukan tema (*selective coding*) yang mewakili pola kompetensi keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam. Seterusnya, tema-tema yang mempunyai persamaan makna dianalisis secara rentas kes bagi mengenal pasti hubungan antara tema sebelum distrukturkan kepada dua dimensi utama, iaitu sahsiah dan komunikasi. Hubungan antara dimensi, kategori dan subtema ini kemudiannya diterjemahkan secara konseptual untuk membangunkan Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, beberapa strategi telah digunakan, termasuk triangulasi sumber data, semakan peserta, pengesahan pakar dan audit jejak penyelidikan. Tema-tema dan struktur model yang dibangunkan turut dinilai oleh panel pakar bagi memastikan ketepatan interpretasi data serta kesesuaian model yang dicadangkan.

Berdasarkan Jadual 1, penilaian yang dilakukan oleh panel pakar mendapati bahawa tema-tema yang dibangunkan daripada data kualitatif memperoleh tahap persetujuan yang sangat tinggi. Nilai pekali persetujuan yang melebihi 0.90 menunjukkan bahawa proses pengkodan dan pembinaan tema yang dilaksanakan adalah konsisten serta mempunyai tahap kesahan yang kukuh.

Jadual 1

Senarai Panel Pakar Analisis Persetujuan Temu bual


Bil	Nama	Institusi	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap (Cohen Kappa)
1.	Pakar A	UIS	Dato' Prof, Dr.	Pendidikan Islam Penyelidikan Pendidikan Islam	0.92
2.	Pakar B	UTM	PM, Dr	Penyelidikan Pendidikan Islam	0.95
3.	Pakar C	UUM	Pensyarah Kanan, Dr.	Penyelidikan Pendidikan Islam Tamadun Islam	0.95

DAPATAN KAJIAN

Analisis data menunjukkan bahawa kompetensi keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia dibentuk melalui dua dimensi utama, iaitu sahsiah dan komunikasi. Kedua-dua dimensi ini saling melengkapi dan membentuk identiti profesional pensyarah dalam melaksanakan peranan sebagai pendidik, pembimbing serta model teladan kepada guru pelatih. Elemen-elemen kualiti kompetensi bagi kedua-dua aspek tersebut ditunjukkan melalui Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian PPI IPG seperti pada Rajah 1.

Rajah 1

Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian PPI IPG



Sumber: Analisis Kajian

Pembinaan model ini berasaskan tema-tema utama yang muncul daripada analisis kompetensi keperibadian pensyarah Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi sahsiah yang melibatkan hubungan dengan Allah SWT, diri sendiri, rakan sejawat dan pelajar merupakan komponen teras dalam pembentukan keperibadian pensyarah. Di samping itu, aspek komunikasi yang merangkumi komunikasi lisan dan bukan lisan turut dikenal pasti sebagai elemen penting yang menyokong keberkesanan pelaksanaan peranan profesional pensyarah.

Jadual 2

Kategori sahsiah PPI di IPGK1-IPGK8

Kualiti Sahsiah	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8
Terhadap Allah	/	/	/	/	/	/	/	/
Terhadap Diri Sendiri	/	/	/	/	/	/	/	/
Terhadap Pelajar	/	/	/	/	/	/	/	/
Terhadap Rakan Sejawat	/	/	/	/	/	/	/	/

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi sahsiah merupakan komponen paling dominan yang mempengaruhi amalan profesional pensyarah cemerlang Pendidikan Islam. Sahsiah yang ditonjolkan

bukan sahaja berkait dengan hubungan individu dengan Allah SWT, bahkan turut melibatkan hubungan dengan diri sendiri, pelajar dan rakan sejawat. Keadaan ini menggambarkan bahawa keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam terbentuk secara holistik dan tidak terhad kepada aspek ritual keagamaan semata-mata.

Sahsiah terhadap Allah SWT

Dapatan kajian mendapati bahawa hubungan yang kukuh dengan Allah SWT merupakan asas utama kepada pembentukan kompetensi keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam. Hampir semua peserta kajian memperlihatkan penghayatan yang tinggi terhadap nilai ketakwaan, tawaduk, keikhlasan, istiqamah dalam ibadah dan pergantungan kepada Allah SWT dalam melaksanakan tugas profesional mereka.

Penemuan ini menunjukkan bahawa kecemerlangan pensyarah Pendidikan Islam tidak hanya dipengaruhi oleh penguasaan ilmu dan kemahiran pedagogi, tetapi turut dipacu oleh kekuatan spiritual yang menjadi sumber motivasi dalaman. Hubungan yang erat dengan Allah SWT membentuk kesedaran bahawa tugas mendidik merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan integriti.

Dari perspektif pendidikan Islam, dapatan ini memperkukuhkan pandangan bahawa aspek kerohanian merupakan asas kepada pembentukan profesionalisme pendidik. Individu yang mempunyai tahap penghayatan agama yang tinggi lazimnya lebih berupaya mengawal tingkah laku, membuat pertimbangan secara berhikmah dan mengekalkan komitmen terhadap tugas walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran profesional. Oleh itu, elemen ketakwaan dan pengabdian kepada Allah SWT perlu dianggap sebagai komponen utama dalam pembangunan kompetensi pensyarah Pendidikan Islam.

Sahsiah terhadap Diri Sendiri

Kajian ini turut mendapati bahawa pensyarah cemerlang Pendidikan Islam menampilkan sahsiah diri yang dicirikan oleh profesionalisme, akauntabiliti, proaktif, berwawasan dan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan diri. Pensyarah bukan sahaja menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas akademik, malah sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi melalui penulisan, penyelidikan, perkongsian ilmu dan pembangunan profesional secara berterusan.

Penemuan ini menggambarkan bahawa kecemerlangan pensyarah tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya merupakan hasil daripada usaha berterusan untuk memperbaiki diri dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Sikap proaktif dan berorientasikan kecemerlangan membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan serta memenuhi tuntutan profesion pendidikan yang semakin kompleks.

Dapatan ini sejajar dengan kajian-kajian terdahulu yang menegaskan bahawa profesionalisme pendidik berkait rapat dengan keupayaan mengurus diri, mengawal emosi, meningkatkan kompetensi dan melaksanakan amanah secara berintegriti. Dalam konteks pendidikan guru, pensyarah yang mempunyai sahsiah profesional yang tinggi berupaya menjadi contoh yang baik kepada guru pelatih yang bakal memasuki dunia pendidikan.

Sahsiah terhadap Pelajar

Satu lagi dapatan penting kajian ialah pensyarah cemerlang Pendidikan Islam menunjukkan tahap keprihatinan yang tinggi terhadap pelajar. Hubungan yang dibina bukan sekadar hubungan akademik, bahkan melibatkan peranan sebagai pembimbing, penasihat, motivator dan murabbi yang membantu pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Pensyarah didapati sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan, perkembangan akademik, pembentukan sahsiah serta kesejahteraan emosi pelajar. Hubungan yang mesra dan bersifat keibubapaan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif serta meningkatkan keyakinan pelajar untuk berinteraksi dan mendapatkan bimbingan.


Penemuan ini memperlihatkan bahawa konsep murabbi masih menjadi identiti penting dalam amalan pensyarah Pendidikan Islam. Berbeza dengan pendekatan pengajaran yang hanya menumpukan kepada penyampaian kandungan kursus, pendekatan murabbi memberi penekanan kepada pembangunan insan secara menyeluruh. Justeru, kecemerlangan pensyarah Pendidikan Islam bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik pelajar, tetapi turut dinilai melalui kemampuan membentuk akhlak, nilai dan jati diri mereka.

Sahsiah terhadap rakan sejawat

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah cemerlang Pendidikan Islam mengamalkan hubungan profesional yang positif dengan rakan sejawat melalui amalan perkongsian ilmu, kerjasama, sikap saling membantu dan keterbukaan dalam menerima serta memberikan pandangan. Hubungan yang harmoni ini bukan sahaja menyokong pembangunan profesional individu, malah menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang kondusif dalam organisasi. Hal ini boleh di lihat dalam Rajah 2.

Rajah 2

Sahsiah PCPI terhadap rakan sejawat



Sumber: Analisis Kajian

Berdasarkan rajah 2, terdapat sebelas sahsiah PCPI terhadap rakan sejawat di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Analisis data menunjukkan bahawa hubungan dengan rakan sejawat merupakan salah satu dimensi penting dalam kompetensi keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam. Dimensi ini diterjemahkan melalui amalan perkongsian ilmu, kerjasama profesional, kesediaan membantu dan keterbukaan dalam pertukaran idea yang menyokong pembangunan individu serta organisasi. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kecemerlangan pensyarah bukan sahaja dibentuk melalui kompetensi individu, tetapi turut diperkukuh melalui interaksi dan kolaborasi yang berlaku dalam komuniti akademik.

Dapatan kajian mendapati bahawa pensyarah cemerlang sentiasa berusaha mewujudkan budaya perkongsian ilmu dan pengalaman sebagai sebahagian daripada tanggungjawab profesional mereka. Amalan ini mencerminkan ciri pendidik rabbani yang sentiasa bersedia untuk belajar, mendidik dan berkongsi pengetahuan demi manfaat bersama (Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., 2011; Upadhyay, 2023). Pada masa yang sama, sikap saling membantu dan menyokong antara rakan sejawat telah menyumbang kepada pembentukan persekitaran kerja yang positif dan berorientasikan kecemerlangan.

Penemuan ini menunjukkan bahawa hubungan interpersonal yang baik dalam organisasi pendidikan mampu meningkatkan produktiviti, komitmen dan keberkesanan pelaksanaan tugas, selaras dengan pandangan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) dan Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy (2010). Selain itu, budaya kolaboratif yang diamalkan turut memperkukuh amalan kepimpinan profesional dalam kalangan pensyarah, sekali gus membantu pembangunan diri, peningkatan kompetensi serta kecemerlangan organisasi secara berterusan (Hailan Salamun & Rofishah Rashid, 2012; Muhammad Faizal A. Ghani et al., 2011 & Gramrawi et al., 2026).

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa kompetensi keperibadian pensyarah cemerlang Pendidikan Islam terbina melalui keseimbangan antara kekuatan sahsiah dan keberkesanan komunikasi. Kedua-dua dimensi tersebut bukan sahaja menjadi asas kepada profesionalisme pensyarah, malah berfungsi sebagai pemangkin kepada pembentukan identiti pendidik yang holistik. Hubungan yang erat dengan Allah SWT, keupayaan mengurus diri secara profesional, hubungan interpersonal yang positif serta penguasaan komunikasi yang berkesan dikenal pasti sebagai elemen utama yang menyokong kecemerlangan pensyarah Pendidikan Islam.

Sumbangan utama kajian ini ialah penghasilan model kompetensi keperibadian yang menjelaskan bagaimana elemen sahsiah dan komunikasi saling berinteraksi dalam membentuk kecemerlangan pendidik. Model ini memperkukuh literatur berkaitan profesionalisme pendidik Islam dan menyediakan kerangka yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan, penilaian serta pemerkasaan kompetensi pensyarah pada masa hadapan. Oleh itu, usaha memperkukuh kompetensi keperibadian pensyarah wajar diberikan perhatian yang lebih sistematik kerana aspek ini berupaya memberi impak langsung terhadap kualiti latihan perguruan dan pembentukan bakal guru yang mampu mendukung aspirasi pendidikan negara.

Dari sudut implikasi praktikal, Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam yang dibangunkan melalui kajian ini berpotensi dijadikan rujukan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam memperkukuh pembangunan profesionalisme

pensyarah melalui program latihan, pembangunan kompetensi, penilaian prestasi serta pementoran pensyarah. Selain itu, dapatan kajian ini turut memberi implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pembuat dasar dalam usaha menambah baik standard kompetensi pensyarah pendidikan guru serta merangka dasar pembangunan modal insan yang lebih holistik berasaskan keseimbangan antara sahsiah dan komunikasi. Bagi penyelidikan akan datang, kajian ini dicadangkan diperluaskan dengan melibatkan pensyarah daripada pelbagai bidang pengkhususan, institusi pendidikan tinggi lain atau menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah campuran bagi menguji kesahan serta kebolegunaan model yang dicadangkan dalam konteks yang lebih luas.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Institut Pendidikan Guru Kampus yang terlibat, serta Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam yang telah memberikan kerjasama dan berkongsi pengalaman sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan dan sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung sehingga penyelidikan ini berjaya disempurnakan.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah, M. N. (2017). *Pengamalan kompetensi dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia* [Tesis Doktor Falsafah]- Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/id/eprint/79146/>
- Ahmad Yunus, K. (2011). *Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah guru cemerlang Pendidikan Islam*. [Tesis Doktor Falsafah]- Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2009). *50 tahun Pendidikan Islam di Malaysia*. BPI, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chandler, J., & Owen, M. (2002). *Developing brands with qualitative market research*. SAGE Publications.

- Darling-Hammond, L., & Hyler, M. E. (2020). Preparing educators for the time of COVID... and beyond. *European Journal of Teacher Education*, 43(4), 457–465. <https://doi.org/10.1080/02619768.2020.1816961>
- Day, C., & Gu, Q. (2024). Teacher resilience, identity and professionalism in changing educational contexts. *Teachers and Teaching*.
- Denzin, N. K. (2009). *Qualitative inquiry under fire: Toward a new paradigm dialogue*. Left Coast Press, INC. <https://doi.org/10.4324/9781315421292>
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, & Asmawati Suhid. (2011). *Peranan guru Pendidikan Islam dalam membentuk generasi unggul*. Dlm *Islam and Education* (40–58). Universiti Malaya, Department of Islamic History and Civilization Academy of Islamic Studies.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abd. Mutalib. (2011). profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam dalam melahirkan modai insan berkualiti dan seimbang. Dlm *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011* (Vol. 52, pp. 628–644). Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
- Ghamrawi, N, Tarek Shal & Ghamrawi, N.A.R. (2026). Virtual teacher leadership: Enacting leader identity in digital spaces. *Journal of Digital Learning in Teacher Education* 42:2, pages 75-87.
- Hailan Salamun, & Rofishah Rashid. (2012). *Kepimpinan guru Pendidikan Islam di sekolah*. Dlm *Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG* (1–18).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes*. [Tesis Doktor Falsafah]- Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57–71. <https://doi.org/10.11113/jt.v51.174>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Memartabatkan profesion keguruan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010* (105 – 116). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015)*
- Khairul Anuar Abdul Rahman. (2012). Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37–44.
- Kelchtermans, G. (2019). Early career teachers and their professional identity. *Cambridge Journal of Education*.
- Mohd Izham, M. H. (2006). *Pengurusan proses perubahan terancang di beberapa buah Sekolah Bestari di Malaysia*. [Tesis Doktor Falsafah]- Universiti Malaya.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Norfariza Mohd Radzi, Shahril@Charil Marzuki, & Faisol Elham. (2011). Pengenalan kepada amalan kepimpinan guru di Malaysia: Cabaran dan cadangan. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011* (1214–1236).
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *Teachers and school leaders as lifelong learners*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/5655bfb6-en>
- Rahaila Omar. (2011). *Kompetensi nilai profesionalisme pensyarah institut pendidikan guru dan potensi bakal guru di Malaysia*. [Tesis Doktor Falsafah]- Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Hayaati, I. al-Q. (2008). Budaya kerja cemerlang menurut perspektif Islam: Amalan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 187–207.
- Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy. (2010). *Etika penjawat awam dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail bin Syed Mustafa, Ahmad Subki Miskon (2010). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional*. (P.-M. S. Bhd, Ed.).

- Upadhyay, M. G. R. (2023). Experience of knowledge sharing among the teachers in higher education. *AMC Journal*, 4(1), 25–39.
- Wan Nurul Hekmah Wan Mokhtar. (2002). *Latar belakang pendidikan pensyarah dan persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Ungku Omar, Perak*. [Tesis Sarjana]- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Zamri Mahamod, & Jamil Ahmad. (2011). Pengetahuan calon guru tentang profesion keguruan. Dlm *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011* (1–15).